

**Suruhanjaya Tenaga**

(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,

62100 Putrajaya, Malaysia.

T: +603 8870 8500 F: +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78

## **UNTUK DISIARKAN SEGERA**

# **KENYATAAN MEDIA**

## **DUA SYARIKAT DIDAPATI BERSALAH MENCURI BEKALAN ELEKTRIK**

**Putrajaya, ---** Mahkamah Sesyen Kajang telah menjatuhkan hukuman denda masing-masing sebanyak RM35,000.00 ke atas syarikat LB Aluminium Berhad dan Rank Metal Sdn Bhd kerana kesalahan membuat pengusikan pada meter elektrik kepunyaan Tenaga Nasional Berhad dan menghalang meter tersebut dari merekodkan penggunaan elektrik yang sebenar.

Hakim Mahkamah Sesyen Puan Nor Hazani binti Hamzah menjatuhkan hukuman itu terhadap kedua-dua syarikat selepas berpuas hati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes itu.

Syarikat-syarikat itu dituduh di bawah subseksyen 37 (3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Syarikat LB Aluminium merupakan syarikat pembekal terobosan aluminium dan juga sebuah syarikat awam yang disenaraikan sejak 1994 manakala syarikat Rank Metal Sdn Bhd merupakan anak syarikat milik penuh LB Aluminium.

Kedua-dua syarikat diwakili oleh peguam Wong Kian Kheong manakala pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga, Nazeehan Farhy binti Nasseri.

Suruhanjaya Tenaga (ST) yang antara lainnya berfungsi melaksanakan dan menguatkuaskan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga berharap hukuman ke atas tertuduh ini menjadi pengajaran kepada semua pihak supaya tidak mengusik meter elektrik kepunyaan pihak utiliti. Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai tindakan mengubah suai meter dan mencuri elektrik dinasihati memaklumkan perkara itu kepada ST. Amalan mencuri elektrik memberi implikasi yang besar kepada negara kerana ia akan meningkatkan kos pembekalan elektrik kepada pengguna.

**-TAMAT -**

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Noor Haniza bt Noordin, Unit Promosi & Komunikasi, Suruhanjaya Tenaga*

*Tel: +603 8870 8661 Fax: +603 8888 8636 Email: [haniza@st.gov.my](mailto:haniza@st.gov.my)*

### Mengenai Suruhanjaya Tenaga

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab mengawal selia sektor tenaga bagi industri perbekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bekalan elektrik dan gas berpaip yang disalurkan kepada pengguna adalah selamat, berdaya harap dan pada harga yang berpatutan.